

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 16.5.2016**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [ Jerantut ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam mengatasi dakwaan yang menyatakan kualiti guru yang dihasilkan oleh IPGM dan Universiti Awam sekarang yang kurang menepati keperluan pendidikan masa lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan Kajian Kepuasan Pelanggan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam kalangan pentadbir sekolah bagi menilai prestasi guru lepasan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) penempatan tahun 2013. Laporan kajian ini disediakan bagi tempoh 1 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014. Hasil kajian menunjukkan 96.2 peratus pelanggan organisasi berpuas hati dengan pencapaian semua aspek guru baharu yang dinilai. Analisis data juga menunjukkan peratus persetujuan bagi kualiti diri guru, pengajaran dan

pembelajaran, kokurikulum dan pengurusan kerja rutin di sekolah masing-masing pada tahap 96.5, 95.9, 95.6 dan 96.8 peratus.

KPM terus berusaha meningkatkan kualiti guru melalui latihan pra perkhidmatan dan latihan dalam perkhidmatan. Melalui IPGM, penghasilan kualiti guru sekolah rendah terus menjadi keutamaan melalui langkah berikut:

1. Menjalankan dua (2) saringan dalam pemilihan calon guru yang dijalankan secara terperinci untuk mendapatkan bakal guru yang berkualiti dalam jurusan/kursus yang ditawarkan.
2. Penambahbaikan kurikulum latihan perguruan berdasarkan MQA bagi memastikan kokurikulum latihan bertepatan dengan kehendak pendidikan negara.
3. Kurikulum latihan memberikan tumpuan kepada pembangunan insaniah guru agar dapat melahirkan guru yang berkualiti, berkeperibadian tinggi serta berkemahiran dalam penguasaan dan berkemahiran dalam penyampaian.

Di samping itu, KPM sentiasa memastikan guru yang berkualiti akan terus berkualiti melalui beberapa inisiatif yang dijana berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Pelbagai aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PBB) dirancang bagi membolehkan guru dan pemimpin sekolah membangunkan kompetensi, potensi dan bakat ke arah peningkatan kualiti peribadi dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan secara berterusan.